



Anwar bersama Siphandone pada sidang media di Pejabat Perdana Menteri Laos, di Vientiane, semalam.

(Foto BERNAMA)

PM pelawa Laos manfaat kepakaran halal Malaysia

Tingkat pelbagai
peluang
kerjasama,
kukuh hubungan
dua negara

Vientiane: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mempelawa Laos memanfaatkan kepakaran halal Malaysia, untuk membolehkan negara itu memasuki pasaran pengguna Islam yang lebih besar.

Bercakap pada sidang media bersama Perdana Menteri Laos, Dr Sonexay Siphandone di sini semalam, Anwar berkata, dengan menceburi industri halal terutama makanan halal, Laos boleh mengembangkan eksportnya.

"Kita mempunyai kelebihan kecil dalam industri makanan halal yang saya fikir anda (Laos) perlu memanfaatkannya supaya dapat mengembangkan eksport ke negara Islam dan Timur Tengah (Asia Barat)," katanya pada sidang media bersama mereka di Pejabat Perdana Menteri Laos di sini.

Anwar tiba di Vientiane untuk lawatan rasmi dua hari ke Laos mulai petang kelmarin, bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi dengan negara anggota ASEAN. Beliau diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Lawatan sulung Anwar ke negara anggota ASEAN itu, selepas mengangkat sumpah sebagai

Perdana Menteri pada 24 November tahun lalu adalah atas undangan Siphandone.

Anwar juga berharap dapat memperluaskan kerjasama antara universiti dari Malaysia dan Laos dalam aspek latihan dan pertukaran kepakaran.

Pada sidang media itu, Anwar turut menegaskan, keperluan ASEAN memperkukuhkan lima perkara dalam konsensusnya, untuk menangani keadaan yang lebih tidak menentu dan cuba mencari penyelesaian secara damai kepada konflik yang sudah lama wujud di Myanmar, yang turut menjejaskan kesejahteraan ekonomi dan keselamatan kedua-dua negara.

"Saya percaya kebijaksanaan perdana menteri (Laos) untuk memastikan kita kekal sebagai kuasa ASEAN yang sangat kuat dan bersatu," kata beliau sambil menambah bahawa Malaysia akan memberi sokongan penuh kepada Laos yang akan memikul tanggungjawab sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan.

Sementara itu, Siphandone berkata, beliau gembira dengan lawatan Anwar ke Laos dan pertemuan dua hala antara mereka yang berlangsung kira-kira sejam diadakan dalam semangat persaudaraan.

Beliau berkata, kedua-dua negara juga bersetuju untuk bekerjasama erat bagi meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang demi kepentingan rakyat.

"Lawatan ini akan terus meningkatkan persefahaman dan mengeratkan persahabatan yang telah lama terjalin antara Laos

dan Malaysia.

"Saya tetap komited untuk bekerjasama dengan Anwar melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala, serta di ASEAN, dengan matlamat untuk memajukan lagi manfaat untuk rakyat," katanya melalui penterjemah.

Siphandone berkata, perbincangannya dengan Anwar turut menyentuh isu lain di rantau ini terutamanya kesannya terhadap pembangunan sosioekonomi di negara anggota ASEAN.

Terdahulu, Anwar diberikan sambutan rasmi dengan hamparan permaidani merah oleh Kerajaan Laos di bangunan Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Sejurus tiba, Anwar yang ditemani isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, menerima jambangan bunga daripada murid sekolah tempatan dan disambut Siphandone serta isteri, Vandala Siphandone.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan diikuti dengan pemeriksaan kawalan kehormat oleh Anwar, dengan diiringi rakan sejawat dari Laos.

Kedua-dua pemimpin kemudiannya meneruskan mesyuarat dua hala dan menyaksikan majlis menandatangani memorandum kerjasama (MoC) antara Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Lao National Railway State Enterprise (LNRSE) serta Mutiara Perlis Sdn Bhd (MPSB) dan Thanaleng Pelabuhan Kering (TDP).

Anwar dan Siphandone juga dijadualkan menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Electricite du Lao (EDL). BERNAMA